

SIARAN MEDIA

MOT, RAC DAN KTMB PERKUKUH MOBILITI RAKYAT JOHOR MENERUSI PELANCARAN SHUTTLE SELATAN

JOHOR, 16 Jun 2026 – Kerajaan MADANI terus memperkukuh sistem pengangkutan awam negara menerusi pelancaran Perkhidmatan Operasi Shuttle Selatan, satu inisiatif strategik yang bakal meningkatkan kesalinghubungan pengangkutan awam rel di Johor serta memperluaskan akses mobiliti rakyat antara kawasan kediaman, pusat bandar, hab perindustrian dan pusat pertumbuhan ekonomi utama negeri ini.

Pelaksanaan perkhidmatan ini merupakan hasil kerjasama strategik antara Kementerian Pengangkutan (MOT), Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) selaku pengendali perkhidmatan dan Perbadanan Aset Keretapi (RAC) sebagai pemilik serta pengurus aset dan infrastruktur perkeretaapian negara. Kerjasama ini mencerminkan komitmen berterusan Kerajaan MADANI dalam menyediakan sistem pengangkutan awam yang lebih cekap, selamat dan mampan demi kesejahteraan rakyat.

SHUTTLE SELATAN PERKUKUH MOBILITI RAKYAT JOHOR

Bermula hari ini, Perkhidmatan Operasi Shuttle Selatan akan beroperasi melalui dua laluan utama yang menghubungkan kawasan kediaman, pusat bandar dan kawasan perindustrian utama di Johor iaitu:

- I. **Laluan JB Sentral**
Kulai – JB Sentral – Kulai
- II. **Laluan Pasir Gudang**
Kempas Baru – Pasir Gudang – Kempas Baru

Perkhidmatan ini menawarkan alternatif perjalanan yang lebih pantas dan selesa kepada pengguna, dengan perjalanan dari Kulai ke JB Sentral mengambil masa sekitar 40 minit, manakala perjalanan dari Kempas Baru ke Pasir Gudang mengambil masa sekitar 40 hingga 45 minit.

Menerusi pelaksanaan ini, ianya dijangka bakal memberi manfaat kepada ratusan ribu penduduk di Johor, khususnya di kawasan Johor Bahru, Kulai dan Pasir Gudang yang merupakan antara pusat pertumbuhan ekonomi dan perindustrian utama negeri ini.





MEMACU PERTUMBUHAN EKONOMI DAN PEMBANGUNAN WILAYAH SELATAN

Selain meningkatkan mobiliti rakyat, perkhidmatan ini turut memainkan peranan penting dalam memperkukuh hubungan antara kawasan perumahan, institusi pendidikan, pusat bandar dan kawasan perindustrian utama di Johor.

Peningkatan akses kepada pengangkutan awam yang cekap dijangka menyokong pertumbuhan ekonomi setempat, memudahkan pergerakan tenaga kerja serta memperkukuh hubungan antara komuniti dan pusat-pusat aktiviti ekonomi di wilayah selatan. Inisiatif ini juga menyokong agenda pembangunan Johor sebagai antara hab ekonomi dan logistik utama negara.

KERAJAAN MADANI GALAK PENGGUNAAN PENGANGKUTAN AWAM

Bersempena pelancaran Perkhidmatan Operasi Shuttle Selatan, Kerajaan MADANI turut memperkenalkan Kad Komuter Madani Shuttle Selatan dengan pengagihan sebanyak 3,000 kad percuma kepada pengguna sebagai galakan untuk menggunakan pengangkutan awam.

Kad perjalanan bernilai RM50 setiap satu ini membolehkan pengguna menikmati perjalanan bagi laluan Shuttle Selatan selepas diaktifkan di kaunter KTMB, semasa hari peluncuran atau di Stesen Kempas Baru, Kulai dan JB Sentral pada bila-bila masa. Bagi tujuan tersebut, RAC telah memperuntukkan sebanyak RM150,000 sebagai insentif untuk menggalakkan lebih ramai rakyat beralih kepada pengangkutan awam.

Selain itu, pelbagai inisiatif sokongan turut dilaksanakan bagi melengkapkan ekosistem Perkhidmatan Operasi Shuttle Selatan termasuk penyediaan rangkaian bas pengantara di stesen-stesen terlibat, penyelarasan laluan Bas.My dan Bas Muafakat Johor (BMJ), perkhidmatan shuttle khas di Kempas Baru serta kemudahan park and ride di AEON Bandar Dato' Onn. Melalui Perbadanan Pengangkutan Awam Johor, 20 set kerusi turut disediakan di Stesen Pasir Gudang bagi memberi kemudahan kepada para pengguna yang akan menaiki tren di stesen tersebut.

KTMB PASTIKAN PERKHIDMATAN CEKAP, SELAMAT DAN BERDAYA HARAP

Bagi memastikan penyampaian perkhidmatan yang cekap dan berdaya harap kepada pengguna, KTMB telah mengoptimumkan penggunaan aset rel sedia ada menerusi pengoperasian set tren Hybrid serta tren yang telah dinaik taraf.

Pendekatan ini membolehkan perkhidmatan ini dilaksanakan secara berkesan dalam memenuhi keperluan mobiliti harian rakyat, di samping menyokong peningkatan penggunaan pengangkutan awam serta pembangunan sosioekonomi wilayah selatan negara.





RAC PASTIKAN KESIAPSIAGAAN INFRASTRUKTUR REL

Sebagai pemilik aset dan infrastruktur perkeretaapian negara, RAC telah memastikan kesiapsiagaan aset dan infrastruktur rel bagi menyokong pengoperasian Shuttle Selatan termasuk penyempurnaan Fasa 1 penyediaan kemudahan sementara bagi perkhidmatan tren penumpang di laluan Kempas Baru – Pasir Gudang yang telah berjaya disiapkan pada 30 April 2026.

Kemudahan yang disediakan merangkumi akses mesra Orang Kurang Upaya (OKU), laluan pejalan kaki, bumbung sementara, sistem pengumuman awam (PA Sistem), kamera litar tertutup (CCTV), papan tanda, lampu limpah serta pelbagai kemudahan sokongan lain bagi memastikan operasi perkhidmatan dapat dilaksanakan secara selamat, selesa dan efisien.

RAC akan terus memainkan peranan strategik dalam membangunkan dan menyelenggara aset serta infrastruktur rel yang berkualiti bagi menyokong peluasan penggunaan pengangkutan awam berasaskan rel demi kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negara.

MENYOKONG PERTUMBUHAN JOHOR SEBAGAI HAB EKONOMI SERANTAU

Johor terus muncul sebagai antara destinasi pelaburan dan pertumbuhan ekonomi yang paling dinamik di negara ini. Selaras dengan perkembangan tersebut, pembangunan sistem pengangkutan yang cekap dan berdaya harap menjadi antara faktor penting dalam menyokong pergerakan tenaga kerja, aktiviti ekonomi dan hubungan antara pusat-pusat pertumbuhan utama.

Dalam konteks Johor-Singapore Special Economic Zone (JS-SEZ), MOT akan terus memperkukuh perancangan dan pelaksanaan inisiatif pengangkutan yang mampu menyokong pergerakan tenaga kerja, mempertingkatkan hubungan ekonomi serta meningkatkan daya saing Johor sebagai antara pusat pertumbuhan utama negara.

PENUTUP: MEMPERKASA MOBILITI, MEMACU PERTUMBUHAN

Pelancaran Perkhidmatan Operasi Shuttle Selatan membuktikan komitmen berterusan Kerajaan MADANI dalam memperkukuh sistem pengangkutan awam negara melalui kerjasama strategik antara MOT, KTMB dan RAC.

Inisiatif ini bukan sahaja meningkatkan tahap mobiliti dan kesalinghubungan rakyat di Johor, malah menyokong pembangunan ekonomi wilayah, memperluaskan akses kepada pengangkutan awam yang mampan serta memperkukuh agenda pembangunan pengangkutan negara yang moden, inklusif dan berdaya tahan untuk generasi akan datang.





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
16 JUN 2026

– TAMAT –

INFO KEMENTERIAN PENGANGKUTAN (MOT)

Kementerian Pengangkutan bertekad untuk memimpin pembangunan sistem pengangkutan bersepadu, cekap dan selamat dengan memperkuh teknologi serta jaringan mobiliti sebagai pemangkin kemajuan negara.

PERTANYAAN MEDIA

Unit Komunikasi Korporat, Kementerian Pengangkutan Malaysia
+603 8892 1027 | unitkomunikasikorporat@mot.gov.my

Amira Farahin Binti Abdul Shukor | Unit Hal Ehwal Korporat | Perbadanan Aset Keretapi
29-1 Sentral RAC, No 16, Jalan Tun Sambanthan, Brickfields, 50470 Kuala Lumpur
Malaysia (O) : 03-7459 0200 | amira.shukor@rac.gov.my | <https://www.rac.gov.my>

Nurul Asyura Abdul Rahman | Strategic Communications | Keretapi Tanah Melayu Berhad
KTMB Headquarters, Jalan Sultan Hishamuddin, 50621 Kuala Lumpur
(O) : 03-2263 1103 | nurulasyura@ktmb.com.my | <https://www.ktmb.com.my>

